KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	19/1/2022 (RABU)	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	-			

Tapak lombong wolfram berusia 100 tahun

Tapak perlombongan logam pada abad ke-20 itu wajar diwarta sebagai warisan sejarah negara

Oleh NORHASPIDA YATIM

DUNGUN


Tapak perlombongan logam tungsten atau wolfram yang pernah diteroka pada abad ke-20 di Bukit Lentor di sini wajar diwartakan sebagai warisan sejarah negara.

Setiausaha Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Dungun (PSMKD), Wan Mohd Rosli Wan Ngah berkata, ia berdasarkan elemen sejarah yang masih ada di situ, sekali gus merekodkan peristiwa penting dalam sejarah perlombongan negara.

Katanya, kewujudan rel kereta api kesan aktiviti perlombongan wolfram pada tahun 1910 membuktikan kawasan itu antara pengeluar utama wolfram di negara ini suatu masa dahulu.

"Kawasan ini tidak sepatutnya dibiarkan begitu sahaja kerana ia mempunyai elemen sejarah yang masih ada sehingga hari ini.

"Wolfram yang dikeluarkan dari terowong ini dihantar ke sungai Dungun menggunakan kereta api sebelum dieksport ke luar negara pada waktu itu," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.



Wan Mohd Rosli menunjukkan terowong yang digunakan untuk membawa keluar wolfram sejak 100 tahun dahulu dan masih wujud sehingga kini.

Menurut Wan Mohd Rosli, aktiviti perlombongan wolfram di kawasan itu dipercayai mula diusahakan sekumpulan orang Cina dari Singapura pada tahun 1910.

Katanya, kandungan wolfram yang tinggi di Bukit Lentor ketika itu menarik perhatian pelabur-pelabur dari negara tersebut.

"Pada awalnya kumpulan ini melombong wolfram secara kecil-kecilan sahaja. Mereka membawa hasil-hasil wolfram pulang ke Singapura untuk dieksport ke Eropah.

"Bahan logam ini kemudian mendapat permintaan tinggi kerana penggunaannya begitu meluas terutama dalam pembuatan bateri basah dan peralatan perusahaan sehingga harganya melambung tinggi," katanya.

Beliau berkata, ketika itu perlombongan wolfram tidak diusahakan oleh orang Melayu kerana mereka tidak tahu kegunaan, nilai serta tempat untuk dipasarkan.

"Kualiti dan kandungan wolfram yang banyak di kawasan ini telah menarik minat sekumpulan pelabur dari Singapura yang kemudiannya menubuhkan Dungun River (Terengganu) Development Syadicated Ltd pada tahun 1911.

"Sejak itu wolfram dilombong secara aktif sehingga permintaan melebihi pengeluaran," katanya.

Dalam pada itu, PSMKD turut mencadangkan sekitar kawasan itu diwartakan sebagai warisan sejarah supaya terpelihara daripada aktiviti yang berisiko memusnahkan peninggalan sejarah dan ekosistem.

Di samping itu, katanya, kawasan Bukit Lentor juga boleh dihidupkan dengan aktiviti jejak warisan, meredah hutan, pendakian dan perkhemahan.